

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

JSP343 - Politik Di Dalam Masyarakat Majmuk

Masa : [3 jam]

---

Jawab soalan no. 1 (soalan WAJIB) dan mana-mana DUA (2)  
soalan lain.

...2/-

1. Sungguhpun Konflik Sosial secara umumnya boleh wujud di alam mana-mana masyarakat, tetapi ianya kerap berlaku di dalam masyarakat majmuk. Kadang kala nilai demokrasi boleh runtuh hasil dari konflik tersebut. Bincangkan.

(40 markah)

2. Menurut Kerajaan Malaysia, Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan untuk melahirkan satu Bangsa Malaysia yang bersatu padu. Bincangkan kenyataan ini dengan mengambil kira ciri-ciri masyarakat majmuk di Malaysia dan keberkesanan Dasar Ekonomi Baru dalam menyelesaikan masalah 'polarisasi' kaum.

(30 markah)

3. Proses modenisasi, mengikut Melson dan Wolpe, tidak boleh menghapuskan konflik dalam masyarakat tetapi berlaku di sebaliknya pula. Bincangkan pendapat ini dengan merujuk kepada mana-mana masyarakat majmuk yang anda ketahui.

(30 markah)

4. Apakah pendekatan-pendekatan pengawalan konflik perkauman yang diajukan oleh Nordlinger? Berikan contoh-contoh yang sesuai bagi menghuraikan jawapan anda.

(30 markah)

- ooo0ooo -